

05/12/1999

Majlis angkat sumpah Selasa

SEREMBAN: Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad akan menemui Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Putrajaya pagi Isnin bagi mengemukakan senarai barisan anggota Exco baru Negeri Sembilan.

Beliau berkata selepas itu, pada sebelah petangnya beliau akan menghadap Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan Tuanku Ja'afar bagi memaklumkan kemenangan Barisan Nasional (BN) dan senarai anggota exco baru.

"Majlis mengangkat sumpah Menteri Besar dan anggota exco baru Negeri Sembilan di hadapan Tuanku Ja'afar akan berlangsung di Istana Besar Seri Menanti, Kuala Pilah, pada pukul 9 pagi, Selasa ini," katanya kepada pemberita selepas merasmikan gelanggang go-kart di kawasan perindustrian Oakland, di sini, semalam.

Ketika ditanya mengenai senarai barisan exco baru, Mohamed Isa berkata senarai kesemua 32 orang Anggota Dewan Undangan Negeri (Adun) akan dikemukakan kepada Perdana Menteri.

(END)